

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang Akaun Semasa Mata Wang Asing-i (FCCA-i) anda.

Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU AKAUN SEMASA MATA WANG ASING-I

Akaun Semasa Mata Wang Asing-i (FCCA-i) ialah akaun yang dikekalkan di dalam sesebuah bank dalam mata wang selain daripada mata wang negara tersebut yang berlandaskan kepada konsep Syariah Qard dan Bai' Al-Sarf. Tujuannya adalah untuk jaminan penuh pembayaran semula dana yang diterima serta membuat pembayaran dalam mata wang asing.

Terdapat beberapa jenis mata wang yang ditawarkan seperti US Dollar, Great Britain Pound (GBP), European Euro, Australian Dollar, Yen Jepun, SG Dollar, HK Dollar, United Arab Emirates Dirham, Saudi Riyal dan Qatar Riyal. **Akaun deposit ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit.**

Produk ini adalah berlandaskan prinsip-prinsip Syariah Qard dan Bai' Al-Sarf. Qard ialah kontrak pinjaman wang daripada pemberi pinjam kepada peminjam di mana peminjam terikat untuk membayar jumlah pinjaman dengan nilai yang sama. Bai' Al-Sarf merujuk kepada kontrak pertukaran matawang dengan matawang yang sama atau berlainan.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

- Deposit Permulaan: 500 units bagi setiap mata wang kecuali Yen Jepun e.g. USD500, GBP500, JPY50,000.
- Tiada had transaksi harian.
- Jenis akaun yang ditawarkan:
 - Akaun Hasil Eksport (AHE)
 - Akaun Hasil Bukan Eksport (AHBE)
 - Akaun Pekerjaan dan Pendidikan (APP)
- Hibah diberikan kepada pelanggan atas budi bicara pihak Bank. Hibah bermaksud pemindahan pemilikan sesuatu aset daripada penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani



Segera hubungi kami jika anda menghadapi sebarang kesukaran untuk akses akaun anda.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah risiko utama?

Risiko kadar pertukaran mungkin boleh terlibat bagi Akaun dengan pihak Bank di mana kadar pertukaran yang teruk boleh mengakibatkan pengurangan atau penyusutan nilai Akaun tersebut.

4 TERMA UTAMA LAIN

- Pelanggan akan membuka Akaun Semasa Ringgit Malaysia dengan pihak Bank bagi tujuan memudahkan transaksi dalam MYR.
- Had semalaman Pelanggan adalah bergantung kepada produk yang telah dibuka oleh cawangan dan berpandu kepada Notis Dasar Pertukaran Asing BNM.
- Pengeluaran dalam wang kertas dan syiling mata wang asing adalah tidak dibenarkan.
- Pihak bank akan menyediakan penyata akaun (FCCA-i) pada setiap bulan melainkan tiada sebarang transaksi pada bulan tersebut
- Untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj, sila rujuk kepada www.muamalat.com.my → Fees and Charges

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Akaun Mata Wang Asing-i, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Akaun Mata Wang Asing-i](#)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama: _____

Tarikh: _____

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah pada: 6 November 2020